

lokal

MOHD Radzi meninjau projek kolam udang yang dibuat berhampiran tebing Sungai Kurau.
- Gambar NSTP/SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI



JARAK kolam yang dikorek untuk projek kolam udang hanya beberapa meter dari tebing sungai.



PROJEK UDANG UNDÅNG PETAKA

200 nelayan pantai di Kuala Kurau dan Nibong Hangus gesa kerajaan hentikan projek

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my

Bagan Serai

Lebih 200 nelayan pantai di Kuala Kurau dan Nibong Hangus, dekat sini, menggesa kerajaan menyiasat dan menghentikan projek ternakan kolam udang di pesisir Sungai Kurau berhampiran Kampung

Sangyak, Pandak Puteh kerana didakwa boleh mendatangkan risiko besar kepada sumber pendapatan nelayan pantai dan masalah hakisian.

Penduduk, Mohd Radzi Said, 52, berkata, projek ternakan kolam udang seluas lebih 32 hektar yang tidak diketahui statusnya disedari penduduk beberapa minggu lalu selepas melihat kerja pengorekan tanah

dilakukan.

Menurutnya, paling mengejutkan apabila kolam yang dikorek hanya beberapa meter dengan gigi air dan sudah melangkaui rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Jika projek ini terus berjalan, banyak risiko yang akan menanti penduduk dan nelayan, antaranya ia akan menjelaskan sumber perikanan dan pendapatan nelayan

sekiranya air buangan dari kolam udang dilepaskan ke sungai yang menyebabkan banyak ikan mati.

"Paling kami bimbangkan akan berlaku hakisan kerana jarak kolam yang dikorek hanya beberapa meter dari tebing sungai dan jika hakisan terus berlaku akibat dari projek kolam udang ini, beberapa buah kampung akan mendapat malapetaka besar," katanya ketika ditemui

Ifi projek ini terus berjalan, banyak risiko yang akan menanti penduduk dan nelayan, antaranya ia akan menjelaskan sumber perikanan dan pendapatan nelayan"

Mohd Radzi

di sini.

Menurutnya, selain itu penduduk sekitar bakal berdepan dengan masalah binatang buas seperti kera dan babi kerana habitat mereka diteroka.

Katanya, dahulu kawasan di sini diliputi hutan dan sejak ia diteroka untuk dijadikan kolam udang, banyak binatang liar keluar menceroboh tanaman padi dan mengganggu perumahan penduduk.

Mohd Radzi yang juga Bendahari Persatuan Pendi-

dikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai (Jaring) Malaysia dan Ketua Kluster Nelayan berkata, sebelum kewujudan projek kolam ternakan udang terbaru ini sudah terdapat usaha yang sama dibuat beberapa tahun lalu namun ia sudah dihentikan.

"Sekitar 2019, terdapat projek sama dibuat namun ia dihentikan selepas penduduk dan nelayan mengadakan dialog secara bermula dengan pihak berkaitan serta aduan kepada Sabahat Alam Malaysia (SAM).

"Selepas pertemuan itu, projek terbabit dihentikan sementara namun dalam tempoh beberapa minggu ini kami terkejut apabila mendapati projek itu berjalan semula di tapak baharu.

"Kami juga sudah menghantar aduan kepada Menteri Besar Perak untuk menangani masalah ini namun belum ada jawapan diterima," katanya.